



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES

PGT 219

PENGANTAR KAEDAH MENGAJAR ILMU KEMANUSIAAN

LAPORAN PEMBENTANGAN

TAJUK:

ALAT BANTU MENGAJAR PAPAN TULIS DAN BUKAN ICT

PENSYARAH: PM DR. ASWATI HAMZAH

DR. JAMALSAFRI SAIBON

1. NAMA : SHARIFAH SHERIL BINTI SYED ALI

NO K/P : 980329-01-6152

NO MATRIK : 143272

2. NAMA : NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID

NO K/P : 980620-02-5740

NO MATRIK : 141084

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan edisi ke-4 alat bermaksud peralatan. Menurut Mohd Yasin et al. (2013) dalam dapatan kajian beliau menyatakan bahawa Alat Bantu Mengajar (ABM) masih tidak berfungsi jika ianya menggunakan teknologi semata-mata. Penggunaan ABM adalah satu cara untuk meningkatkan pencapaian dan kejayaan bagi pelajar-pelajar kerana proses pengajaran dan pembelajaran akan berkualiti dan efektif serta pencapaian akademik akan meningkat. Oleh itu, guru perlu melaksanakan penggunaan ABM dalam Pembelajaran mereka bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dari pelbagai aspek. Selain itu, sekolah memerlukan kesediaan guru dari aspek amalan, kemahiran dan sikap mereka supaya penggunaan alat bantu mengajar berjalan dengan berkesan dan berkualiti.

Alat bantu mengajar merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru atau pelajar untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Dalam kajian ini, ABM bermaksud peralatan atau bahan yang digunakan oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan peralatan atau bahan berinovasi seperti guru menggunakan peralatan komputer, multimedia, perisian, kad imbasan, buku teks dan sebagainya bagi meningkatkan perasaan ingin tahu, menarik dan lebih fokus belajar terhadap sesuatu mata pelajaran yang diajar oleh guru.

Menurut Musa & Mohamad (2014) menyatakan bahawa ABM boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu elektronik dan bukan elektronik. Di antara ABM seperti radio, projektor dan salaid, televisyen, video dan alat yang berbantuan komputer adalah ABM berbentuk elektronik. Manakala majalah, model, kad imbasan, jurnal dan gambar. ABM jenis bukan elektronik. Penggunaan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah untuk menarik minat pelajar terhadap sesuatu topik yang akan mereka pelajari dengan menimba pengalaman yang menyeronokkan.

TEORI YANG DIAPLIKASI DALAM PEMBELAJARAN

Konsep pengajaran dan pembelajaran adalah berlandaskan kepada teori-teori pembelajaran masa kini. Teori-teori pembelajaran terdiri daripada kognitif, konstruktivisme, behaviorisme dan humanistik. Pengalaman ilmu pengetahuan yang diperolhi dalam proses pembelajaran berlaku secara berperingkat-peringkat yang menghasilkan satu perubahan tingkahlaku manusia.

Teori Kognitif berkaitan dengan proses mental yang melibatkan pengamatan, pengetahuan dan pemahaman. Antara tokoh terkenal dalam teori kognitif ialah Jean Piaget, Bandura, Lev Vygotsky dan ramai lagi. Semua maklumat ini diubahsuai dan disusun semula seterusnya menghasilkan sesuatu maklumat yang baru. Teori ini menekankan kepada proses pengamatan, ingatan, pemikiran, dan penyelesaian masalah.

Teori seterusnya ialah teori konstruktivisme. Teori ini dipelopori oleh Jean Piaget, Bruner dan ramai lagi. Teori ini berkaitan dengan pengajaran yang berdasarkan kepada penyelidikan dan pengalaman. Pembelajaran terbina daripada hasil pencatuman maklumat dengan pengetahuan sedia ada. Proses pembelajaran di bawah teori ini juga menggalakan pelajar berkomunikasi dengan bahan untuk mendapatkan jawapan. proses pembelajaran sebagai aktiviti pembinaan mental yang dicantumkan dengan maklumat baru. Teori ini menekankan kepada penglibatan pelajar dalam menyelesaikan masalah. Pelajar akan membina pengetahuan sendiri untuk menjana idea dengan berdasarkan pengetahuan sedia ada.

Teori yang terakhir pula, yang diaplikasikan dalam tajuk ini ialah teori behaviorisme. Teori ini dipelopori oleh B.F Skinner, Watson dan juga Ivan Pavlov. Teori ini adalah tentang pelaziman klasik dan pelaziman operan. Ianya juga berdasarkan hukuman. Hukuman ini terdiri daripada hukuman kesediaan, hukuman latihan dan hukuman kesan. Hukuman kesediaan ini hukuman dimana ianya adalah kesediaan untuk memulakan sesuatu manakala, hukuman latihan mengatakan, semakin banyak latihan semakin banyak kukuh rangsangannya. Hukuman kesan pula hukuman dimana tindak balas berkesan dan memuaskan.

CIRI-CIRI BAHAN BANTU MENGAJAR YANG BAIK

Ciri bahan bantu mengajar yang baik antaranya ialah bahan tersebut dapat memberi penerangan. Hal ini bermaksud bahan tersebut memberi penerangan yang jelas membuatkan pelajar faham dan guru menyampaikan maklumat yang diajar itu sesuai dengan pembelajaran pelajar. Bahan tersebut juga haruslah jelas supaya murid mudah membaca dan melihatnya. Bahan yang baik juga memudahkan ABM itu disentuh kerana bahan tersebut mudah bagi pelajar untuk bermain dengan alat itu. Pembelajaran itu mesti mudah difahami dan mudah. ABM tersebut haruslah sesuai dengan tajuk yang hendak diajari. Sebagai contoh, jika ABM tersebut berbentuk lukisan, pastinya sesuai dengan subjek Geografi yang menceritakan tentang peta atau sebagainya. ABM yang baik juga memudahkan guru untuk membawa ke kelas dan tidak begitu besar supaya memudahkan guru untuk memulakan sesi pembelajaran dan pengajaran.

KOMPENEN KEMAHIRAN YANG MENGGUNAKAN BAHAN BANTU MENGAJAR

Kompenen kemahiran yang menggunakan bahan bantu mengajar antaranya ialah kesesuaian daripada segi peringkat umur pelajar, saiz dan topik yang hendak diajari. Kesesuaian ini bermaksud supaya ianya sepadan dengan tajuk yang diajar dan memudahkan murid memahami maklumat yang ingin disampaikan. Menarik pula disini bermaksud daripada penggunaan warna dan susun atur. Warna yang terang membuatka pelajar suka untuk melihat kerana sifat manusia yang suka melihat sesuatu benda yang baharu serta lain daripada yang lain. Penggunaan bahan bantu mengajar juga seharusnya boleh digunakan oleh pelajar semasa membuat latihan juga. Hal ini kerana, apabila guru mengajar sesuatu subjek itu, murid akan mengingati subjek tersebut dalam masa jangka panjang dimana sambil belajar guru juga meminta pelajar untuk menerangkan semula pembelajaran tersebut dan memberi latihan.

KEPENTINGAN BAHAN BANTU MENGAJAR

Mengikuti Charles F. Hoban, James D. Finn dan Edgar Dale (1964) kepentingan ABM ini adalah menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep. Sebagai contoh, pembelajaran itu bermakna jika pengajaran dan pembelajaran guru itu menyeronokkan dan mudah. ABM ini juga berfungsi sebagai daya penarik penting kepada pelajar kerana pelajar dapat menumpukan perhatian jika ianya menarik. Oleh itu, guru haruslah kreatif untuk mewujudkan sesuatu ABM. Guru dan murid juga dapat menimba sesuatu pengalaman yang baru dan menjadikan pembelajaran itu lebih bermakna jika pembelajaran itu berkesan.

Manakala menurut Kamarudin Hj Hussin (1988), beliau mengatakan kepentingan ABM ini ianya menyediakan dasar kukuh untuk perkembangan kefahaman dan corak pemikiran dan mengurangkan gerak balas yang tidak diperlukan oleh pelajar. Guru dapat menyediakan pengalaman baharu yang tidak diperolehi dengan mudah oleh cara-cara lain. Ianya juga menjadikan pembelajaran murid-murid lebih beragam dan mendalam serta dapat menguatkan kefahaman dan mempercepatkan perkembangan minda pelajar.

KEKUATAN DAN KELEMAHAN BAHAN BANTU MENGAJAR

Penggunaan kaedah yang bersesuaian dengan topik yang hendak dipelajari adalah amat penting dalam proses P&P. Hal ini kerana, bagi menarik minat pelajar terhadap proses P&P dan sekaligus pelajar akan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap sesuatu topik. Kaedah yang digunakan seperti ABM adalah perlu untuk menarik minat pelajar namun tetapi penggunaan ABM mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri.

Antara kekuatan ABM ialah masa. Masa pengajaran guru akan menjadi singkat apabila menggunakan ABM kerana guru tidak perlu menerangkan sesuatu topik yang akan diajar dengan banyak. Hal ini demikian kerana, ABM yang telah dibuat akan membantu murid tersebut untuk memahami lebih mendalam tentang topik yang diajar oleh guru. Selain itu, ABM juga mendorong murid-murid untuk menyiasat dan dengan demikian dapat menambah bacaan murid-murid kerana dengan perasaan ingin tahu itu para pelajar akan mencari bahan bacaan yang lebih untuk memahami perkara tersebut. Seterusnya, menyediakan pengalaman baru yang

tidak diperolehi dengan mudah oleh cara lain dan akan menjadikan pembelajaran murid-murid lebih mendalam dan beragam dengan penggunaan ABM. ABM juga dapat mempelbagaikan kegiatan and aktiviti-aktiviti murid kerana dengan ABM ini guru boleh buat suatu permainan yang menarik dengan menggunakan ABM. Fleksibel juga merupakan salah satu kekuatan ABM. ABM adalah satu benda yang fleksibel kerana ia boleh dibawa ke mana-mana sahaja dan dapat digunakan dalam tempoh yang lama. Sebagai contoh, ABM 'flash card' yang dapat digunakan dengan lama kerana diperbuat daripada bahan yang tidak mudah rosak seperti kotak.

Terdapat juga kelemahan ABM antaranya ialah bebanan tugas guru. Setiap guru mempunyai kerja lain untuk dilakukan jadi dengan bebanan yang dialami ini akan menyukarkan guru untuk melakukan ABM yang menarik dan kreatif. Selain itu, kekurangan sumber dalam mendapatkan bahan. Hal ini kerana sesetengah barang memerlukan kos yang tinggi dan kekurangan idea oleh guru untuk membuat ABM. Di samping itu, kelemahan ABM adalah kekurangan sokongan dari semua pihak. Sebagai contoh, sesetengah guru tidak memberi sokongan apabila ABM dilakukan kerana bagi guru tersebut pelajar tidak minat dan untuk melakukan ABM adalah rumit kerana memerlukan kreativiti yang tinggi. Jadi ini akan memberi guru lain satu perkara yang negatif. Oleh itu, terdapat pelbagai kebaikan dan kelemahan dalam penggunaan ABM ini

BAHAN BANTU MENGAJAR PAPAN TULIS

Papan pengajaran adalah papan yang digunakan secara langsung oleh guru untuk menyampaikan isi bahan pengajaran kepada murid-murid. Papan pengajaran memang terdapat di dalam setiap bilik darjah dan kebiasaannya terletak secara kekal pada bahagian hadapan kelas. Jika tidak dilekatkan kemungkinan papan tersebut akan hilang dan akan berebut antara satu sama lain. Papan tulis ini penting kerana disitulah guru akan menulis maklumat penting tentang topik yang akan diajar. Dengan adanya papan tulis, murid-murid akan lebih memahami dan akan mendapatkan isi penting berbanding guru hanya bercakap untuk menerangkan isi tersebut.

Terdapat beberapa jenis papan yang dapat digunakan di dalam kelas antaranya ialah papan kapur, papan putih, papan magnet dan sebagainya. Bagi papan kapur ia adalah alat bantu mengajar yang utama di dalam bilik darjah yang menggunakan kapur untuk menulis di atas

papan yang berwarna hijau. Manakala kebanyakan kelas zaman sekarang akan menggunakan papan putih. Papan putih adalah satu inovasi baru dalam teknologi papan tulis. Ia adalah permukaan sekeping papan yang dilapik dengan satu lapisan enamel putih menjadikan permukaan untuk ditulis boleh dipadam dengan menggunakan pen marker berisi dakwat yang boleh dipadam. Papan magnet pula adalah satu papan yang diperkuat daripada logam yang mampu melekatkan bahan yang akan diajar di atas papan tersebut. Kegunaan papan magnet tidak begitu banyak kerana kos yang agak mahal. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis papan pengajaran yang terdapat di sekolah, setiap papan tersebut mempunyai fungsinya yang tersendiri.

PERANAN PAPAN TULIS

Papan tulis dan papan putih boleh dikatakan alat yang paling ikonik yang berkaitan dengan pengajaran. Penyelidikan menunjukkan bahawa pelajar belajar lebih baik dengan mendapat maklumat yang dibentangkan melalui pelbagai modaliti, terutama melalui cara visual (Mayer, 2003), dan papan mungkin alat pengajaran visual yang paling mudah. Terdapat beberapa peranan papan tulis antaranya ialah boleh mencatatkan fakta, konsep atau idea penting yang berkaitan dengan isi pelajaran yang disampaikan. Guru akan mencatatkan isi penting di papan tulis dan dengan ini akan membolehkan pelajar mudah untuk mendapatkan isi-isi penting, Jika guru tidak menulis isi-isi penting murid-murid akan menjadi kabur tentang topik yang diajar. Seterusnya, peranan papan tulis ialah menggunakan papan tulis untuk menampal atau menggantung media pengajaran lain. Sebagai contoh, guru menampalkan kertas mahjong yang berisi maklumat penting tentang pengajaran tersebut.

Selain itu, peranan papan tulis juga ialah dapat membantu pelajar membuat gambaran minda konsep atau idea-idea penting sesuatu isi pelajaran. Setelah isi-isi penting yang ditulis di papan, murid-murid akan lebih mudah untuk membuat peta minda yang akan meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap isi pelajaran tersebut. Membantu pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap apa yang guru ingin sampaikan adalah salah satu peranan papan tulis. Apabila guru menulis di papan, secara automatik, murid-murid akan memberi tumpuan terhadap guru. Murid-murid juga akan membuat catatan dan ini secara tidak langsung dapat mengekalkan fokus murid tersebut.

PROSES PENGGUNAAN PAPAN TULIS

Terdapat beberapa proses tentang penggunaan papan tulis, ia terbahagi kepada tiga proses iaitu sebelum, semasa dan selepas penggunaan papan tulis. Bagi proses penggunaan papan tulis sebelum memulakan pengajaran ialah bahagikan papan tulis kepada beberapa bahagian. Satu bahagian boleh digunakan sepanjang pelajaran dan dibersihkan dan digunakan semula. Bahagian lain boleh digunakan oleh guru untuk menyampaikan maklumat penting sepanjang masa P&P seperti struktur pelajaran hari itu. Seterusnya, guru boleh berikan nota terlebih dahulu. Guru boleh memilih kandungan utama yang akan mereka tulis dan bagaimana mereka mahu mengatur kandungan secara visual. Guru boleh membuat senarai perkataan atau frasa tunggal yang ingin diajar semasa kelas. Guru harus bebas menyalin secara langsung dari nota semasa kelas, terutama bagi isi pelajaran yang susah. Proses yang lain ialah penggunaan tulisan di papan tulis. Guru perlu menggunakan tulisan yang besar dan jelas supaya murid-murid boleh melihat perkataan yang ditulis.

Proses penggunaan bagi semasa pula ialah berhenti sebentar dan bergerak ke tepi untuk memberi ruang dan masa murid-murid untuk menyalin isi penting di papan tulis. Kadang-kadang murid tidak nampak apa yang ditulis oleh guru kerana terlindung jadi guru perlu bagi masa untuk mereka menyalin. Selain itu, guru perlu menulis isi penting supaya pelajar mudah untuk memahami topik pelajaran tersebut. Guru boleh berasa bebas untuk menekankan istilah penting dengan menggariskan atau membulatkan isi penting tersebut. Guru juga boleh membuat peta konsep untuk memudahkan lagi pelajaran tersebut. Selepas membuat peta konsep guru perlu menyuruh pelajar untuk mencari huraian tentang isi tersebut.

Bagi proses selepas pula ialah guru perlu membuat rumusan tentang topik yang dipelajari. Ini bagi memudahkan pelajar untuk memahami semula tentang pelajaran tersebut. Guru juga boleh menyuruh seorang pelajar untuk memberitahu apa yang dia dapat tentang isi pelajaran yang diajar. Ini akan memberi impak yang positif apabila murid tersebut faham dengan pelajaran tersebut. Seterusnya, guru perlu memadam papan tulis bagi memudahkan guru lain untuk masa seterusnya menggunakan papan tulis. Oleh itu, mereka dapat menjimatkan masa untuk memulakan sesi P&P.

RUMUSAN

Bahan bantu mengajar merupakan bahan yang sangat penting dalam pembelajaran dan pengajaran pada abad ke-21. Jika guru tidak menggunakan ABM penyampaian dalam sesuatu pengajaran agak kurang berkesan jika guru tidak pandai memainkan peranan penting untuk membuatkan kelas tersebut lebih ceria dan produktif. Sebagai seorang guru, kita haruslah menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan ABM. Guru boleh menggunakan barang-barang terpakai seperti kotak, surat khabar, kertas dan sebagainya untuk membuat ABM. Seterusnya, pemilihan ABM perlulah bersesuaian dengan topik yang akan diajar jika tidak bersesuaian maka proses P&P tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar. Pelbagai cara yang mampu guru lakukan untuk menjadikan ABM tersebut lebih menarik.

Bagi penggunaan papan tulis juga penting untuk guru mengambil tahu supaya proses P&P berjalan dengan lancar. Penggunaan papan tulis penting untuk menunjukkan isi penting dan maklumat yang ingin disampaikan oleh guru. Terdapat beberapa proses penggunaan papan tulis seperti proses sebelum pengajaran, proses semasa pengajaran dan proses selepas pengajaran. Semua ini perlu diambil tahu untuk pembelajaran yang lebih berkesan kepada para pelajar.

RUJUKAN

Faizah binti Ja'apar (2017). Bahan Bantu Mengajar (Bbm) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Smk) Daerah Pontian. *Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia* .

Siti Nurimah Yunus (2012). Pengenalan Kepada Bahan Bantu Mengajar. *Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis*.

Nikky (2010). Teaching Aids, Their Characteristics, Advantages , And How And Where To Use Teaching Aids. *India Study Channel* .

Professor Jack C. Richard (2016) Advantage and Disadvantage of using instructional materials in teaching. *Laval University*

<https://poorvucenter.yale.edu/WhiteboardsChalkboards>

<https://www.scribd.com/doc/269683636/RPH-1-Penggunaan-Papan-Tulis>

<https://journals.sagepub.com/doi/full/10.1177/0735633115628032>